

PERHIMPUNAN BULANAN KOMANDER PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4451-perhimpunan-bulanan-komander-pangkalan-udara-butterworth

BUTTERWORTH, 30 Jan 19 - Pangkalan Udara Butterworth telah melaksanakan Perhimpunan Bulanan Komander Pangkalan bagi bulan Januari sebagai pembuka tahun 2019. Dalam perhimpunan tersebut turut diadakan Majlis Pemakaian Pangkat kepada 3 pegawai dan 17 anggota LLP Pangkalan Udara Butterworth di majlis Perhimpunan Bulanan Komander Pangkalan pada kali ini.

Antara pangkat yang dinaikkan ialah Leftenan Muda TUDM ke Leftenan TUDM seramai 3 orang pegawai, PW U II ke PW U I seramai 5 orang anggota LLP, FSjn ke PW U II seramai 6 anggota LLP, Kpl U ke Sjn U seramai 3 anggota LLP dan LUK ke Kpl U seramai 3 orang anggota LLP. Turut juga diadakan Penyampaian Sijil Penghargaan Komander Pangkalan kepada Sjn U Mohd Shahrulshah bin Fadzil dari HQIADS.

